



SURUHANJAYA BEBAS TATAKELAKUAN POLIS

SIARAN MEDIA

SIMPOSIUM IPCC 2025 MANTAPKAN AGENDA KEPOLISAN BERINTEGRITI MELALUI PENDEKATAN KERJASAMA ANTARA KERAJAAN, POLIS DAN MASYARAKAT

1. KUALA LUMPUR, 2 Disember 2025 – Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis (IPCC) hari ini telah menganjurkan Simposium IPCC 2025 di Hotel Premiera, Kuala Lumpur dengan tema “Kepolisian Berintegriti: Tanggungjawab Bersama”. Program ini merupakan platform perbincangan strategik bagi memperkasakan budaya integriti dan akauntabiliti dalam kepolisan di Malaysia.
2. Simposium ini disempurnakan dengan kehadiran YB Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail, Menteri Dalam Negeri yang turut mengadakan sesi dialog.
3. Penganjuran Simposium ini antara lain bertujuan untuk:
 - a. menyokong usaha mencegah salah laku dan meningkatkan imej pasukan polis;
 - b. mengukuhkan kerjasama pelbagai pihak dalam memantapkan integriti anggota pasukan polis;
 - c. menyediakan platform perbincangan ilmiah untuk mengenal pasti isu, cabaran dan penyelesaian berkaitan integriti;
 - d. mempromosi dan menyebarkan peranan serta fungsi IPCC sebagai badan bebas; dan

- e. menggalakkan penyertaan rakan strategik IPCC, *Police, Friends and Collaborators* (IPFC) dalam memperkukuh budaya integriti dan akauntabiliti institusi kepolisan.
4. Simposium IPCC menampilkan tiga sesi pembentangan utama yang bertajuk:
- a. Sinergi Polis dan Masyarakat Membina Kepolisian Berintegriti oleh DCP Thaipul Bahri bin Mokhtar, Timbalan Pengarah (Integriti), Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS), Polis Diraja Malaysia (PDRM);
 - b. Integriti Polis Diperkasakan, Kepercayaan Masyarakat Terpelihara oleh Puan Firdaus binti Husni, Perunding dan Pengkaji Hak Asasi Manusia; dan
 - c. Mendepani Cabaran Persepsi Awam dan Media Sosial tentang Keutuhan Integriti oleh Encik Mohammad Nor Affiq Norshamsudin, Penerbit Rancangan MHI TV3.
5. Selain itu, simposium turut menampilkan Forum: “Masyarakat Cakna, Polis Berintegriti: Negara Kekal Harmoni” yang dikendalikan oleh moderator Puan Nor Herleena binti Mohd Rizal Pahlavy dan barisan panel berpengalaman iaitu:
- a. Tan Sri Ayob Khan bin Mydin Pitchay, Timbalan Ketua Polis Negara, PDRM;
 - b. Puan Kartina binti Zamhari Anggota Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis; dan
 - c. Tuan Sudirman bin Aban Pengarah Bahagian Urus Tadbir Sektor Awam, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).
- yang berkongsi pandangan tentang pendekatan holistik dalam mengukuhkan integriti kepolisan negara.

6. IPCC komited untuk terus memperkukuh peranannya sebagai sebuah institusi bebas dan berwibawa selaras dengan matlamat Malaysia MADANI, bagi menjadikan keselamatan dan keadilan sosial sebagai tanggungjawab Bersama.

Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis (IPCC)

2 Disember 2025

– TAMAT –

Pertanyaan Media:

Seksyen Korporat dan Teknologi Maklumat

Bahagian Strategik dan Korporat

Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis (IPCC)

03-88808930